

# Tiada siapa berhak guna nama PM

5 JUL 1992  
KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah memberi kuasa atau hak istimewa kepada sesiapa pun untuk menggunakan namanya berhubung projek pembangunan serta pelaburan di negara ini.

Oleh itu, Perdana Menteri menegaskan usahawan tempatan dan pelabur asing tidak sepatutnya mempercayai dakwaan konon ada ejen yang bertindak bagi pihak dirinya untuk menayakan sesuatu projek.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah memberi hak istimewa kepada orang tertentu bercakap bagi pihaknya.

"Tidak ada sesiapa pun yang diberi kuasa menggunakan nama Perdana Menteri dan tidak ada sesiapa yang harus percaya bahawa dengan berhubung melalui orang tertentu, mereka dapat menayakan sesuatu projek.

"Semua projek akan dikaji melalui saluran yang ditentukan oleh kerajaan. Semuanya mesti melalui proses biasa. Proses pentadbiran sudah ditentukan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini semalam.

Antara lain, MT membincangkan isu nama Perdana Menteri digunakan oleh ahli perniagaan tertentu yang mendakwa mereka mendapat restu atau menemuinya berhubung sesuatu projek.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, ada pihak yang mendakwa mereka terlalu berpengaruh sehingga dapat berbincang dengan beliau hanya melalui telefon.

"Malangnya, perkara seperti itu dipercayai oleh usahawan asing yang memikirkan konon orang berkenaan mempunyai pengaruh terhadap keputusan kerajaan dan Perdana Menteri," katanya.

"Saya ingin jelaskan bahawa walaupun saya berjumpa dengan ramai perniaga dan pengusaha di Malaysia, perjumpaan ini adalah dalam usaha menayakan sesuatu rancangan.

"Rancangan swasta ka-

LIHAT MUKA 2

## Terpaksa campur tangan

DARI MUKA 1

dang-kadang terganggu kerana sebab tertentu dan mereka membuat rayuan kepada saya. Memang benar saya campur tangan untuk menayakan sesuatu rancangan tertentu, terutama rancangan yang penting untuk pembangunan negara.

"Gangguan ini kadang-kadang berlaku kerana peraturan dan pentadbiran. Saya terpaksa campur tangan untuk menyelesaikan masalah," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan, ini tidak bermakna

ahli perniagaan mempunyai pengaruh terhadap dirinya dan tidak boleh mendakwa mereka berhak menentukan sesuatu.

Beliau berkata, ada orang yang menulis surat kepada pelabur asing menyatakan jika mahukan sesuatu, mereka perlu berhubung dengan golongan terbabit yang didakwa boleh menentukan ia diluluskan kerana mempunyai pengaruh terhadap Perdana Menteri dan kerajaan.

"Syaratnya (yang dikenakan kepada pelabur asing) ialah golongan ini

diberi bayaran komisen. Ada juga yang mendakwa konon komisen itu untuk saya," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, sesiapa yang mengetahui golongan yang mendakwa mereka mengutip wang untuk beliau, boleh berhubung dengan Pejabat Setiausaha Sulit Perdana Menteri untuk tindakan.

"Malah, kita biasa mengambil tindakan terhadap sesetengah orang yang cuba menggunakan nama saya dan tandatangan saya," katanya.